

Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**



Ketagihan dadah tak kenal usia

Statistik 1.4 juta penduduk negara ini terbabit dalam penyalahgunaan dadah, termasuk 21,227 yang berdaftar dengan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) pada tahun lalu menunjukkan betapa seriusnya isu najis dadah dalam kalangan rakyat kita.

Lebih mengejutkan khalayak apabila Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, masalah ketagihan dadah kini bukan sahaja membabitkan golongan dewasa sebaliknya kanak-kanak seawal usia tujuh tahun menjadi mangsa najis berbahaya ini. Tambah Zahid lagi, perkembangan terkini menunjukkan strategi licik pengedar dadah apabila mula meracuni generasi Z iaitu mereka yang lahir selepas tahun 2000. Pengedar dan tauke dadah juga dipercayai menjadikan kumpulan masyarakat berusia 18 hingga 39 tahun sebagai sasaran utama. Satu lagi statistik yang didedahkan Jabatan Penjara ialah, sebanyak 42 peratus daripada 49,200 banduan di seluruh negara terdiri daripada mereka yang melakukan kesalahan dadah termasuk mengedar, memproses dan menggunakan dadah.

Senario ini juga menggambarkan betapa kritikalnya masalah dadah di negara kita, sekali gus memerlukan perhatian khusus semua pihak agar ancaman ini dapat ditangani segera sebelum menghancurkan keseluruhan generasi muda negara. Najis dadah membabitkan elemen ketagihan. Daripada mula hanya atas dasar mahu mencuba akhirnya boleh mendorong seseorang itu ketagih dan menjadi penagih tegar. Hakikatnya sudah pelbagai kempen dijalankan baik oleh agensi kerajaan mahupun badan bukan kerajaan (NGO) yang prihatin dengan gejala tidak sihat ini.

Namun, realitinya hampir setiap hari kita didedahkan dengan siri penangkapan penyeludupan dadah mahupun penagih pelbagai kategori dan peringkat umur di seluruh negara. Ini menunjukkan masalah dadah belum menampakkan satu jalan penyelesaian yang konkrit dan komprehensif. Maka timbul persoalan apa puncanya dan di mana pula silapnya? Kenapa makin rancak kita membuat kempen kesedaran dan membuat pelbagai operasi dan penangkapan makin banyak juga rakyat kita terus terpedaya, terpengaruh dan terjebak dalam najis dadah ini baik sebagai orang yang mengedar, memproses mahupun menggunakan dadah.

Memang pelik apabila kita me-

nilai situasi ini kerana keadaan semakin menjadi parah apatah lagi golongan kanak-kanak dan belia mula menjadi sasaran utama pengedar. Apakah kita mahu biarkan generasi muda kita terus hancur dan jahanam dek najis dadah ini? Ternyata tahap kesedaran masyarakat kita masih lemah dan mengecewakan.

Dalam konteks ini penulis sama sekali tidak akan menyalahkan pihak berkuasa kerana selama ini agensi penguatkuasaan dilihat menjalankan tugas mereka dengan penuh dedikasi. Buktinya hampir setiap hari ada operasi dan penangkapan yang dilakukan. Dan tidak wajar masyarakat meletakkan tanggungjawab membanteras mahupun mencegah gejala najis dadah di bahu agensi penguatkuasaan semata-mata.

Justeru kita perlu berbalik kepada kaedah tradisional iaitu mengukuhkan ikatan kekeluargaan. Aspek yang dilihat dalam dunia serba moden ini semakin lama semakin lemah dan memudaratkan. Sejauh mana ibu bapa memainkan peranan dalam isu ini? Secara jujurnya kebanyakan daripada kita tidak pernah berbingung baik buruknya najis dadah ini dengan anak kita terutama ketika di rumah. Kita lebih suka fokus kepada isu kerja sekolah dan prestasi akademik berbanding isu masalah sosial seperti ini. Kenapa perkara ini terjadi? Kerana kita letak tanggungjawab ini kepada guru di sekolah untuk mengajar anak kita mengenai najis dadah. Sekali lagi kita mengalihkan tanggungjawab kepada pihak ketiga padahal ia sepatutnya menjadi tanggungjawab bersama. Lebih memburukkan keadaan apabila ibu bapa terlalu sibuk mencari rezeki mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap anak sehingga mereka tidak mendapat kasih sayang dan perhatian yang secukupnya.

Jelas statistik yang didedahkan ini cukup menggerunkan. Bayangkan kanak-kanak seawal usia tujuh tahun boleh terjebak ke kancang najis dadah ini. Mana hilangnya ibu bapa ini sehingga boleh leka dan membiarkan anak mereka terlibat dengan dadah. Penulis tidak dapat membayangkan nasib dan masa depan kanak-kanak ini seterusnya. Semoga kita ambil iktibar daripada kes seumpama ini agar sama-samalah kita menjaga anak-anak dan keluarga kita daripada terjebak dengan gejala najis dadah ini.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM